

**KURSUS TALAQQI AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**

LATARBELAKANG

Kursus jangka pendek pengajian hadith (KPAH) telah mula ditawarkan kepada masyarakat awam semenjak tahun 2009 lagi. Setelah 5 tahun kursus ini dijalankan ia berjaya mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat awam dan menarik minat mereka untuk terus mempelajari hadith-hadith nabi SAW. Justeru bagi menyuburkan lagi pengetahuan masyarakat dengan hadith-hadith nabi SAW, seterusnya membudayakan sunnah nabi SAW dalam kehidupan, dicadangkan kursus talaqqi kitab hadith yang lebih menumpukan kepada membaca dan memahami hadith menerusi kitab-kitab hadith muktabar. Cabaran besar pengajian hadith masa kini ialah penyebaran hadith-hadith terlalu daif dan palsu dalam masyarakat menerusi facebook, twitter, whatsapp, media-media elektronik seperti tv dan radio dan media cetak seperti suratkhbar, majalah dan buku-buku bacaan awam. Ini tidak termasuk lagi hadith -hadith tidak berautoriti yang disebar di masjid dan surau melalui khutbah jumaat dan kuliah-kuliah agama yang diadakan. Melalui kursus talaqqi kitab hadith ini, peserta akan didedahkan dengan hadith-hadith sahih yang berkaitan dengan empat aspek penting dalam kehidupan muslim iaitu

- a) Hadith-hadith mengenai prinsip dan dasar penting dalam Islam

- b) Hadith-hadith mengenai akhlak dan gaya hidup nabi
- c) Hadith-hadith hukum yang melibatkan ibadat dan muamalat
- d) Hadith-hadith mengenai pembentukan jiwa dan rohani.

OBJEKTIF

Antara objektif utama kursus ini ialah:

- a) Membaca dan memahami keseluruhan hadith-hadith nabi yang terdapat dalam kitab al-Arba'in al-Nawawiah karangan Imam al-nawawi
- b) Membaca dan memahami keseluruhan hadith-hadith nabi yang terdapat dalam kitab Riyad al-Salihin karangan Imam al-Nawawi
- c) Membaca dan memahami keseluruhan hadith-hadith nabi yang terdapat dalam kitab Bulugh al-Maram karangan Ibn Hajar al-'Asqalani
- d) Membaca dan memahami keseluruhan hadith-hadith nabi yang terdapat dalam kitab al-Shamail al-Muhammad karangan Imam al-Tirmizi

TEMPAT DAN PERJALANAN KURSUS

Kelas diadakan di Bilik Seminar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur. Kursus ini dijalankan secara kuliah yang disampaikan oleh pensyarah.

**TEMPOH KURSUS DAN WAKTU
PEMBELAJARAN**

Program ini dijalankan pada hujung minggu iaitu pada setiap hari **Sabtu** dari **11.30 pagi** hingga **1.30 tgh**. Program ini mempunyai **6 modul** dan setiap modul dijalankan selama **4 bulan**.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

- Warganegara Malaysia.
- Minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya.
- Lepasan Sijil Pengajian Hadith (SPAHI) atau sedang mengikutinya
- Lepasan Diploma Eksekutif Syariah & Eksekutif Usuluddin

STRUKTUR PROGRAM

- **Sijil Penyertaan** - Peserta perlu menghadiri kelas sebanyak 80% untuk melayakkan diri untuk mendapatkan sijil penyertaan.

YURAN

Yuran kursus bagi setiap modul ialah **RM 400.00** sahaja. Yuran yang dibayar tidak akan dikembalikan jika peserta gagal mengikuti kursus atau apa jua sebab kecuali kursus dibatalkan oleh pihak penganjur.

SUBJEK YANG DITAWARKAN

MODUL I

- Membaca Kitab al-Arba'in al-Nawawiyah oleh Imam al-Nawawi
- Membaca Kitab Riyad al-Salihin oleh Imam al-Nawawi

MODUL II

- Membaca Kitab Riyad al-Salihin oleh Imam al-Nawawi

MODUL III

- Membaca Kitab Riyad al-Salihin oleh Imam al-Nawawi

MODUL IV

- Membaca Kitab Bulugh al-Maram oleh Ibn Hajar al-Asqalani

MODUL V

- Membaca Kitab Bulugh al-Maram oleh Ibn Hajar al-Asqalani

MODUL VI

- Membaca Kitab Bulugh al-Maram oleh Ibn Hajar al-Asqalani
- Membaca Kitab al-Shamail al-Muhammadiyah oleh Imam al-Tirmizi



BORANG PERMOHONAN
KURSUS TALAQQI AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA

NAMA : _____

NO K/P : _____

ALAMAT : _____

: _____

: _____

NO TELEFON: _____

EMAIL : _____

BORANG DIALAMTKAN KEPADA :


URUSETIA
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN &
AL-SUNNAH (KPQS)
ARAS 4 BLOK D
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR

WEBSITE: www.spaq-apium.com
FB : Kpqs Apium
TELEFON : 03-79676167
WHATAPPS : 014-237-6025
FAKS : 03-79560705



K'TAH

KURSUS TALAQQI AL-HADITH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR



Di bawah Anjuran:

KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN &
AL-SUNNAH (KPQS)
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR